

## Sarawak jamin teruskan agenda ekonomi digital

**Bintulu:** Ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi Abang Johari Abang Openg, memberi jaminan kerajaan negeri akan meneruskan agenda mentransformasikan ekonomi negeri ini kepada ekonomi digital selaras aliran global semasa.

Katanya, pelbagai inisiatif bagi tujuan itu sudah dirancang bagi memastikan negeri ini mampu beralih kepada ekonomi digital membabitkan perkhidmatan kerajaan, pelancongan, perindustrian, perniagaan dan pertanian.

Beliau memberi contoh inisiatif kaedah pembayaran dan pemindahan wang secara digital, dikenali sebagai 'Sarawak Pay' yang dilancarkan di Sebauh, Kelmardin.

"Rakyat di luar bandar juga boleh diperkenalkan kepada kaedah pembayaran dan pemindahan wang secara digital di mana sahaja. Setakat ini, 'Sarawak Pay' mempunyai 100,000 pengguna dan seramai 6,000 peniaga berdaftar," katanya.

Beliau berucap demikian pada sambutan Hari Sarawak 2019 di sini semalam.

Yang turut hadir, Yang di-Pertua Negeri, Tun Abdul Taib Mahmud serta tiga Timbalan Ketua Menteri, Datuk Amar Douglas Uggah Embas, Datuk Amar James Jemut Masing dan Datuk Amar Awang

Tengah Ali Hasan.

Buat kali pertama, sambutan Hari Sarawak diadakan di luar Bandaraya Kuching sejak ia diisytiharkan cuti umum pada 2016 sempena memperingati tarikh 22 Julai 1963 British menyerahkan kuasa pentadbiran kepada Sarawak pada 22 Julai 1963.

Ketua Menteri yang juga Menteri Kewangan negeri, turut memberi jaminan, Kerajaan Sarawak akan terus memberi tumpuan kepada pembangunan projek infrastruktur di negeri ini dalam tempoh dua tahun akan datang.

"Sarawak yakin dapat merangsang pertumbuhan ekonomi antara lima hingga enam peratus untuk membolehkan kita menjadi negeri maju pada 2030," katanya sambil menambah, pelaburan asing dan tempatan untuk Sarawak adalah antara yang terbaik di negara ini.

"Bintulu sahaja menerima pelaburan RM13.76 billion yang menyediakan peluang pekerjaan kepada 11,000 orang. Pada September ini pula, pembinaan loji methanol pertama milik Sarawak, akan dilancarkan di Tanjung Kidurong, Bintulu.

"Projek ini akan terus memacu ekonomi tempatan di Bintulu dan memberi lebih peluang pekerjaan," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, Sarawak kekal menikmati banyak



Abdul Taib dan Abang Johari bersama barisan Kabinet negeri pada perasmian sambutan Hari Sarawak di Bintulu, semalam. (Foto BERNAMA)

kedudukan istimewa dalam Persekutuan selepas diberi kuasa memerintah sendiri pada 22 Julai 1963, antaranya autonomi dari segi imigrasi, tanah, hutan dan persempadanan negeri.

"Ia tidak boleh dimansuh atau diubah kecuali dipersetujui dalam Dewan Undangan Negeri (DUN). Kita juga ada hak ke atas sumber asli negeri seperti minyak dan gas," katanya.

Dengan hak dan keistimewaan itu, katanya, kerajaan negeri menyediakan peruntukan RM11 billion bagi tahun ini, bajet terbesar

**Rakyat di luar bandar juga boleh diperkenalkan kepada kaedah pembayaran dan pemindahan wang secara digital di mana sahaja.**

**Abang Johari Abang Openg, Ketua Menteri Sarawak**

dalam sejarah negeri untuk membangunkan lebih banyak kemudahan prasarana seperti jalan raya dan jambatan.

"Petang ini (semalam), saya akan merasmikan pembinaan Jambatan Kuala Kemena yang berharga RM250 juta untuk menghubungkan pusat komersial Bintulu dengan Jepak dan Lapangan Terbang Bintulu.

"Dengan adanya jambatan ini, kawasan Jepak dan sekitarnya akan dibuka untuk pembangunan komersial, perumahan dan pusat baharu bagi Bintulu," katanya.